

12/02/2003

Chong pimpin Sabah tetap berakhir 27 Mac

KUALA LUMPUR: Umno akan mengisi jawatan Ketua Menteri Sabah selepas tempoh penyandangannya sekarang, Datuk Chong Kah Kiat, berakhir 27 Mac ini mengikut sistem penggiliran yang diperkenalkan sejak 1994, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menyatakan siapa pemimpin Umno yang akan mengisi jawatan itu dan bila pelantikan itu akan diumumkan.

"Tak ada calon, kita tidak pakai calon... bukan boleh submit (serah borang) dan kata... saya hendak jadi Ketua Menteri. Borang apa pun tak ada," katanya selepas melancarkan projek Pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah yang diilhamkan Dr Mahathir, diperkenalkan pada 1994 bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kelompok masyarakat utama - Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam - menerajui kerajaan negeri secara bergilir setiap dua tahun.

Chong ialah Ketua Menteri ke-13 sejak Sabah merdeka pada 1963 dan Ketua Menteri keenam mengikut sistem berkenaan selepas Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Mohd Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Ia bagaimanapun diubah suai sedikit dua tahun lalu dengan memberi peluang dua penggal kepada pemimpin Umno bagi setiap penggiliran berbanding hanya sepenggal bagi pemimpin Cina dan Bumiputera bukan Islam.

Chong yang mewakili kuota kaum Cina, menamatkan tempoh perkhidmatannya 27 Mac ini.

Bagaimanapun, ruangan `Bisik-bisik Mingguan' tulisan Awang Selamat dalam Mingguan Malaysia Ahad lalu menyatakan Chong mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir baru-baru ini untuk memohon tempohnya dilanjutkan.

Di bawah tajuk `Jangan lanjutkan tempoh Chong', Awang Selamat mendakwa Chong tidak sepatutnya berbuat demikian dan permintaan itu tidak boleh dilayan sama sekali.

Mengulas laporan itu, Dr Mahathir berkata, Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) itu memang ada menemuinya baru-baru ini tetapi untuk memohon cuti, bukan meminta tempoh jawatan dilanjutkan mengikut sistem penggiliran itu.

"Tak benar sama sekali. Saya berasa amat sedih, (akhbar) buat tuduhan yang tidak ada asas langsung. Dia datang pada saya buat cadangan kalau boleh, dia nak cuti sebulan dulu supaya penggantinya mendapat pengalaman mengenai kerja-kerja ini.

"Itu tujuan dia datang jumpa saya, bukan dia minta nak lanjut (tempoh jawatan), tak ada langsung. Saya tak dengar dia kata apa pun pasal itu. Saya ingat sangkaan buruk daripada orang, tak ada lain melainkan semua ahli politik ini semua jahat-jahat belaka," katanya.

Ditanya kemungkinan pilihan raya negeri Sabah yang mandat kerajaan negeri itu berakhir April 2004 diadakan serentak dengan pilihan raya umum, Dr Mahathir berkata: "Semua ada kemungkinan, kalau ada mungkin, kita mungkinlah."

Baru-baru ini, Perdana Menteri menolak spekulasi bahawa pilihan raya umum akan diadakan sebelum beliau berundur Oktober ini.